

Mahathir ajak umat Islam ubah sikap

Y

KUALA LUMPUR 4 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi menyeru umat Islam supaya mengubah sikap dan bekerja lebih kuat, menguasai semua ilmu dan meninggikan produktiviti.

Beliau mahu mereka mengejar kebahagiaan dunia yang seimbang dengan kebahagiaan akhirat dan mengelak diri daripada berkonflik.

Dalam dunia yang serba moden dan kompetitif, katanya, umat Islam perlu melipatgandakan usaha untuk maju dalam semua bidang selaras dengan kemajuan dunia hari ini.

3 APR 1992

"Kita tidak mahu melihat umat Islam ketinggalan kerana kononnya mengejar kebahagiaan di akhirat. Masyarakat Islam juga tidak harus bersikap fanatik dengan membelakangkan pemikiran waras," katanya dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri melalui RTM malam ini.

"Untuk maju kita perlu mengembalikan semangat menimba ilmu dalam semua bidang. Ini juga adalah selaras dengan cita-cita kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020," ujarnya.

LIHAT MUKA 14

1992 - 5 APR 1992

MAHATHIR AJAK UMAT ISLAM UBAH SIKAP

Menurut beliau, Islam tidak menyuruh umatnya mencipta, menambah dan mewajibkan berbagai-bagai 'ibadat baru' sehingga memudaratkan mereka.

"Jika majoriti umat Islam meninggalkan kerja biasa mereka untuk melakukan 'ibadat' ciptaan ini, mereka akan menjadi miskin dan daif di mana orang seperti ini mudah diperalat dan ditindas oleh orang lain," kata Dr. Mahathir sambil memberitahu walaupun hanya sekumpulan kecil yang melakukannya, beban kepada umat Islam lain akan bertambah.

Sehubungan dengan itu Perdana Menteri mengingatkan, ibadat yang wajib tidak perlu dicirikan semata-mata untuk mengejar kemajuan di dunia kerana kedua-duanya perlu dikejar bersama.

Dalam perutusannya itu, Dr. Mahathir juga mahu umat Islam mengekalkan keadaan harmonis di negara ini dengan mengelakkan diri daripada berkonflik agar keamanan yang dituntut oleh agama Islam terus terpelihara.

"Kita berjaya menikmati pembangunan yang pesat dalam pelbagai bidang di samping mencapai kestabilan politik dan kemajuan ekonomi, semuanya ini tidak mungkin wujud tanpa keazaman dan kegigihan rakyat yang

mahukan keamanan dan kesejahteraan," tegas Perdana Menteri.

Mengenai ekonomi, Perdana Menteri berkata, negara telah berjaya mencapai pertumbuhan yang menggagalkan di mana inflasi dan pengangguran dapat dikawal bagi membolehkan rakyat menikmati taraf hidup yang tinggi.

Beliau yakin jika rakyat terus berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan produktiviti dan berani menghadapi cabaran, negara akan terus mencapai kemajuan yang lebih pesat dan rakyat akan memperolehi nikmat yang lebih.

"Kita di Malaysia sungguh bertuah jika dibandingkan dengan rakyat negara-negara lain seperti Afrika, Amerika Latin dan Eropah Timur yang serba kekurangan, di mana di sesetengah negara pula orang Islamnya ditindas sehingga tidak dapat mengerjakan ibadah," katanya.

Perdana Menteri turut melahirkan rasa syukur kerana umat Islam negara ini selamat menunaikan ibadat puasa dalam keadaan tenang dan sempurna di samping meneruskan tugas-tugas harian yang memberi keinsafan terhadap penderitaan dan kesulitan yang dihadapi oleh orang miskin dan yang kurang bernasib baik.

Dalam amanat Hari Raya itu, Dr. Mahathir turut mengingatkan umat Islam supaya berhati-hati menggunakan ja-

lan raya untuk mengelak daripada berlakunya kemalangan.

"Amatlah menyedihkan apabila menjelang Aidilfitri

kita mendengar kematian yang begitu ramai di kalangan pengguna-pengguna jalan raya, justeru itu berjaga-jagalah

ketika di jalan raya," katanya sambil berdoa semoga pemandu kenderaan akan bersabar, cermat dan berhati-hati.